WIKIPEDIA

Bahasa Inggeris Pertengahan

Bahasa Inggeris Pertengahan	
Middle English	
Wilayah	England, Scotland, Ireland
Pupus	Berkembang menjadi bahasa Inggeris Moden Awal dan bahasa Scotland menjelang abad ke-16
Keluarga bahasa	Bahasa Indo-Eropah ▪ Bahasa Germanik ▪ Bahasa Germanik Barat ▪ Inggeris-Frisia ▪ **Bahasa Inggeris Pertengahan**
Kod bahasa	
ISO 639-2	`enm`
ISO 639-3	`enm`

Bahasa Inggeris Pertengahan ialah nama yang diberikan oleh ahli linguistik sejarah untuk berbagai-bagai bentuk bahasa Inggeris yang digunakan antara akhir abad ke-11 dan sekitar 1470, apabila Piawai Chancery, sejenis bahasa Inggeris berasaskan London mula digunakan secara meluas. Perkembangan itu dibantu oleh pengenalan mesin cetak ke England oleh William Caxton pada akhir 1470-an. Sewaktu itu, kelainan dialek Northumbria (yang dituturkan secara meluas di England Utara) yang dituturkan di Scotland tengah sedang berkembang menjadi bahasa Scotland. Bahasa England, sebagaimana digunakan selepas waktu ini sehingga 1650 dikenali sebagai bahasa Inggeris Moden Awal.

Berbeza dengan bahasa Inggeris Lama yang terutamanya cenderung menggunakan konvensi katib Saxon Barat pada zaman sejurus sebelum Penaklukan oleh Norman, bahasa Inggeris Pertengahan sebagai sebuah bahasa tulisan menonjolkan berbagai-bagai bentuk katib (mungkin dialek). Bagaimanapun, kepelbagaian bentuk bahasa Inggeris Pertengahan tulisan mungkin tidak melebihi jumlah bentuk bahasa Inggeris tuturan yang ada sebelum penaklukan England dan mungkin juga tidak melambangkan bahasa Inggeris tuturan sezaman yang tepat (walaupun ketepatan dan kesetiaan yang lebih tinggi daripada itu boleh didapati dalam teks Inggeris Lama). Sebaliknya, kepelbagaian ini membayangkan keakhiran beransur-ansur peranan kerajaan Wessex sebagai tumpuan utama dan pengasas arah aliran untuk aktiviti katib. Ia juga membayangkan kemunculan gaya katib tempatan dan dialek tulisan yang tersendiri serta juga satu pola peralihan aktiviti yang umum pada abad-abad yang berikut, sewaktu Northumbria, Anglia Timur dan London muncul berturut-turut sebagai pusat-pusat penghasilan kesusasteraan yang utama, dengan minat generik masing-masing.

Lihat juga

- *Medulla Grammatice* (koleksi glosari)
- Hipotesis kreol English Pertengahan
- Kamus Inggeris Pertengahan
- Kesusasteraan Inggeris Pertengahan

Rujukan

- Brunner, Karl (1962) *Abriss der mittelenglischen Grammatik*; 5. Auflage. Tübingen: M. Niemeyer (1st ed. Halle (Saale): M. Niemeyer, 1938)
- Brunner, Karl (1963) *An Outline of Middle English Grammar*; translated by Grahame Johnston. Oxford: Blackwell

Pautan luar

- A. L. Mayhew and Walter William Skeat. *A Concise Dictionary of Middle English from A.D. 1150 to 1580* (http://www.gutenberg.org/etext/10625)
- Middle English Glossary (http://victorcauchi.fortunecity.com/EuCmp/o/oldeng.htm)


Ujian Wikipedia ***bahasa Bahasa Inggeris Pertengahan*** di Wikimedia Incubator

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:History_of_English&action=edit) **Sejarah bahasa Inggeris**

Bahasa Inggeris Lama · Bahasa Inggeris-Norman – Hipotesis kreol bahasa Inggeris Pertengahan – Bahasa Inggeris Pertengahan · Bahasa Inggeris Moden Awal · Bahasa Inggeris Moden

Sejarah fonologi

Vokal	Perubahan Vokal Agung · A pendek · Vokal belakang rendah · Vokal belakang tinggi · Vokal depan tinggi · Diftong · Perubahan sebelum l bersejarah · Perubahan sebelum r bersejarah
Konsonan	Kerotikan · Penggebaran · Penyuaraan-l · Gugus konsonan · wh · Frikatif dan afrikatif · th · Pengalveolaran-th · Pendepanan-th · þ (thorn) · Pelenisan-th · Hentian-th · Pisahan then-thyn

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Germanic_philology&action=edit)

Rumpun bahasa Germanik · Filologi Germanik

Subkumpulan bahasa		Germanik Utara · Germanik Timur · Germanik Barat *Utara* · *Timur* · *Elbe* · *Weser-Rhine* · *Laut Utara*
Terbina semula		Proto-Germanik
Bahasa sejarah	**Utara**	Proto-Norse · Norse Lama · Sweden Lama · Gotland Lama · Norn · Norse Greenland · Norway Lama
	Timur	Goth · Goth Krimea · Vandal · Burgundy
	Barat	Saxon Lama · Jerman Kasar Tengah · Jerman Halus Lama · Jerman Halus Tengah · Frank Lama · Belanda Lama · Belanda Tengah · Frisia Lama · Frisia Tengah · Inggeris Tua · Inggeris Tengah · Scotland Awal · Scotland Tengah · Lombardy · Yola
Bahasa moden		Afrikaans · Alemanik · Denmark · Belanda · Inggeris · Faroese · Jerman · Iceland · Limburg · Jerman Kasar · Luxembourg · Frisia Utara · Norway · Frisia Saterland · Scotland · Sweden · Frisia Barat · Yiddish
Ciri diakronik		Hukum Grimm · Hukum Verner · Hukum Holtzmann · Hukum Sievers · Hipotesis substrat Germanik · Pemanjangan konsonan Germanik Barat · Perubahan bunyi konsonan Jerman Halus · a-mutasi Jermanik · Umlaut Germanik · Hukum geseran Germanik · Hukum geseran nasum ingvaeonik · Penggeseran vokal agung
Ciri sinkronik		Kata kerja Germanik · Kata kerja kuat Germanik · Kata kerja lemah Germanik · Kata kerja kala lampau-kala kini · Grammatischer Wechsel · Ablaut Indo-Eropah
Sejarah bahasa		Inggeris (fonologi) · Scotland (fonologi) · Jerman · Belanda · Denmark · Iceland · Sweden